

156

NO. SOALAN: 159

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH :

RUJUKAN : 10733

SOALAN:

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan laporan terkini tentang serbuan, penyiasatan serta pembekuan akaun-akaun perbankan secara bersekutu bersama Bank Negara dan SSM terhadap pengelola 'Money Games' di Pulau Pinang seperti MBI dan JJPTR. Kenapa tiada sebarang pendakwaan mahkamah dijalankan setakat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pihak polis telah menerima dua laporan berhubung kes penipuan pelaburan yang didakwa dilakukan oleh Syarikat MBI International Sdn. Bhd.. Siasatan telah dijalankan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan atas kesalahan penipuan.

Di dalam kes ini pelabur akan diperkenalkan dengan skim pelaburan MFC Club dalam syarikat MBI International dan dijanjikan pulangan sebanyak 50% setiap tiga bulan yang mana akan dibayar secara tunai sebanyak 70% dan token point sebanyak 30%. Selain itu, sekiranya pelabur sedia ada membawa masuk pelabur baharu, komisyen tambahan sebanyak 10% akan dibayar mengikut pakej pelaburan. *Token point* yang diperolehi boleh digunakan untuk membeli barang dan apa sahaja makanan di sekitar M Mall, Times Square atau di mana-mana tempat yang mempunyai logo MFC Club atau MBI di Pulau Pinang.

Kertas Siasatan telah pun dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara dan telah diarahkan NFA (*No Further Action*) ekoran kekurangan bukti untuk mensabitkan kesalahan selain transaksi yang dilakukan di luar negara (China).

Pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan (KPDNKK) juga telah membuka kertas siasatan di bawah Seksyen 27A Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 (Akta 500) iaitu mempromosikan skim piramid yang dilarang

oleh akta ini. Pihak KPDNKK telah membekukan sebanyak 97 Akaun bank berjumlah RM177 Juta di bawah Seksyen 41 Akta Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA).

Manakala bagi kes penipuan skim pelaburan JJ Poor To Rich (JJPTR) pula, dari tahun 2017 sehingga Januari 2018 sebanyak 50 laporan polis telah diterima dan sebanyak 13 kertas siasatan telah dibuka di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan bagi kesalahan penipuan.

JJPTR adalah merupakan skim pelaburan dalam pasaran mata wang asing (Forex). Pelabur ditawarkan untuk membuat pelaburan dari jumlah USD25 hingga USD1,000 dan keuntungan dijanjikan adalah sebanyak 20% dari jumlah pelaburan setiap bulan.

Sebanyak 8 kertas siasatan telah dirujuk ke Jabatan Peguam Negara, 2 kertas siasatan telah dibuat pertuduhan di Mahkamah manakala 6 telah dikategorikan sebagai *No further Action* (NFA). Selebihnya baki 5 kertas siasatan masih lagi dalam tindakan lanjut pihak polis.

Dalam masa yang sama siasatan juga dilakukan di bawah Akta Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA). Setakat ini 64 akaun bank beberapa aset telah dibekukan dengan jumlah nilai penyitaan sebanyak RM27,810,864.61.